

Lampiran Penerangan Produk

BOND INSURANCE

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (lawati www.pidm.gov.my).

Pelanggan sekalian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda maklumat utama mengenai Bond Insurance anda.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia membantu; **Anda juga patut membacanya.**

1. Apakah Bond Insurance?

Bon adalah jaminan untuk membayar jumlah yang dipersetujui kepada prinsipal setelah mengemukakan permintaan bertulis, sekiranya kontraktor gagal melaksanakan kewajipan atau liabilitinya.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai contoh, untuk premium RM4,000.00 meliputi tempoh insurans selama dua (2) tahun, dengan jumlah bon sebanyak RM100,000.00, anda akan menerima mana-mana perlindungan insurans bon berikut:	
Polisi ini melindungi mana-mana jenis bon berikut yang anda boleh pilih keperluan kontrak anda:	
Bon Bidaan atau Tender - Sebagai sokongan kepada prinsipal projek bahawa pembida akan menghormati bidaan mereka dan memenuhi kontrak jika dianugerahkan projek. Bon Bayaran Pendahuluan - Sebagai sokongan kepada prinsipal projek bahawa mereka akan diberi pampasan kewangan akibat kegagalan untuk mendapatkan semula wang pendahuluan yang dibayar kepada kontraktor mengikut terma kontrak. Bon Prestasi - Sebagai sokongan kepada prinsipal projek bahawa mereka akan diberi pampasan kewangan akibat kegagalan kontraktor untuk menyiapkan projek mengikut terma kontrak.	Polisi ini mengecualikan: Perlindungan untuk: a) Agensi pekerja asing yang terlibat dalam pengambilan pekerja asing (termasuk agensi pembantu rumah asing). b) Agensi pelancongan untuk pengurusan pelancong asing di Malaysia. c) Kehilangan sijil saham.
Senarai perlindungan dan pengecualian dalam jadual ini bukan menyeluruh . Sila baca polisi anda untuk senarai penuh terma dan syarat.	
Tempoh perlindungan ialah tempoh tetap di mana insurans bon diperlukan, biasanya sepadan dengan tempoh kontrak atau fasa projek.	

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans ini, jumlah premium yang tepat akan ditentukan berdasarkan pelbagai faktor, termasuk skop dan sifat kerja kontrak anda, nilai bon dan tempoh insurans.

Sila hubungi kami/perantara perkhidmatan anda untuk mendapatkan sebut harga.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti setem (jika berkenaan)	Caj duti setem semasa adalah seperti berikut: i. Bon – RM10.00 ii. Surat Ganti Rugi – RM10.00 setiap satu
Komisen yang dibayar kepada Perantara Insurans (jika berkenaan)	Maksimum sehingga 10% daripada premium kasar
Caj bank (terpakai untuk jaminan bank sahaja)	Minimum 1.15% setahun tertakluk kepada minimum RM100.00
Caj lain yang dikenakan	Cukai perkhidmatan 8%
Cagaran Tunai	20% daripada jumlah bon (tertakluk kepada pengunderaitan dan kekuatan kewangan kontraktor dan penjamin (jika perlu) dengan kelulusan akhir daripada Chubb Insurance Malaysia Berhad)

4. Terma Utama Lain

- o Kewajipan pendedahan anda
- 1. Kewajipan untuk Polisi Insurans bukan Pengguna
 - 1.1 Anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan kepada kami apa-apa perkara bahawa:
 - (a) Anda tahu relevan dengan keputusan kami sama ada untuk menerima risiko atau tidak serta kadar dan terma yang akan digunakan; atau
 - (b) seseorang yang munasabah dalam keadaan itu dijangka akan mengetahui perkara yang relevan.
- 2. Akibat Pelanggaran Kewajipan
 - 2.1 Jika ini adalah Polisi Insurans bukan Pengguna, pelanggaran kewajipan anda yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan kami mengelakkan Polisi dan menolak semua tuntutan.
- o *Cash before Release*
Bayaran (iaitu premium dan cagaran tunai) akan diterima oleh Chubb Insurance Malaysia Berhad sebelum Bon dikeluarkan.

Nota: Senarai ini **bukan menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Tidak. Setelah Bon dikeluarkan, ia tidak boleh dibatalkan sebelum tarikh luputnya, dan surat pelepasan mesti diperoleh daripada prinsipal Bon.

Jika Anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans Anda, Anda boleh:

Hubungi Kami di: 603-2058 3000

Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>

E-mel Kami di: Inquiries.MY@chubb.com